

Meterai MoU

pertukaran

peserta

Permata Insan

RIYADH: Peserta program Permata Insan yang dianjurkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bakal berpeluang mengikuti program pertukaran pelajar ke Arab Saudi.

Program pertukaran pelajar itu dapat dilaksanakan dengan kerjasama antara USIM dan The King Abdulaziz and His Companions Foundations for Giftedness and Creativity (Mawhiba).

Memorandum persefahaman (MoU) mengenainya ditandatangani Naib Canselor USIM, Datuk Prof Dr Muhamad Muda dan Timbalan Ketua Setiausaha Mawhiba, Dr Mahmoud M.Najadi pada satu majlis di sini, semalam.

Majlis memeterai MoU itu disaksikan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang juga pengerusi jawatankuasa dasar Permata Negara.

Permata Insan yang diilhamkan oleh Rosmah bertujuan membimbing kumpulan pelajar pintar seawal usia lapan tahun untuk menguasai al-Quran dan As-Sunnah dan menghubungkaitkannya dengan ilmu sains, matematik dan teknologi melalui perantara penyampaian bahasa Arab, Inggeris dan Melayu.

Ketika ditemui media Malaysia di sini, Rosmah berkata MoU itu adalah bukti bahawa pihaknya serius dalam melaksanakan program Permata Negara dan Permata Insan.

"Saya amat gembira dan mengalu-alukan kerjasama seumpama ini kerana apa yang selama ini kita tekankan dan utamakan disedari oleh Kerajaan Arab Saudi di bawah naungan Raja Abdullah Abdul Aziz," katanya.

Rosmah juga mahu perbincangan lanjut diadakan antara kedua-dua pihak bagi bertukar-tukar pengalaman dan kepakaran di samping memperbaiki kelemahan masing-masing.

Selain membolehkan pertukaran pelajar, MoU itu juga dijangka meningkatkan kemahiran dalam pembelajaran dan pengajaran serta menjalinkan perkongsian maklumat dan pengetahuan dalam pengurusan bakat serta potensi kanak-kanak pintar antara kedua-dua institusi terbabit.

Pada hari terakhir lawatan tiga harinya ke Arab Saudi, Rosmah turut melawat Riyadh Smart Schools for Boys and Girls, iaitu institusi yang diwujudkan bagi membentuk kanak-kanak pintar supaya menjadi pemimpin berpotensi di masa depan.

BERNAMA